

Kerajaan akan terus tambah pelatih PLKN – Najib

um - 2/11/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 1 Jan. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan terus menambah jumlah pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada masa akan datang supaya lebih ramai remaja dapat menyertainya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pada tahun ini seramai 100,000 remaja berusia 18 tahun telah dipanggil untuk menyertai PLKN bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan mereka.

Bagaimanapun tegas beliau, jumlah penambahan itu akan dibuat mengikut peruntukan kerajaan.

“Kali ini seramai 100,000 pelatih terpilih iaitu kumpulan terbesar sejak diperkenalkan. Tetapi mengikut perkiraan kita jumlah ini hanya 20 peratus remaja berusia 18 tahun yang layak untuk dipilih,” katanya pada sidang akhbar selepas melepaskan 2,016 peserta PLKN dari pusat berkumpul Stadium Nasional Bukit Jalil di sini hari ini.

Najib berkata, penambahan itu juga dibuat berdasarkan sambutan menggalakkan daripada masyarakat khususnya ibu bapa yang mahu anak-anak mereka yang tidak terpilih untuk menyertai program PLKN.

“Saya sendiri ada menerima beberapa permohonan daripada ibu bapa yang anak-anak mereka tidak terpilih supaya dipertimbangkan untuk menyertai program ini.

“Ini semua menunjukkan sambutan terhadap program ini semakin menggalakkan,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut melahirkan rasa puas hati dengan persiapan untuk PLKN tahun ini yang disifatkannya lebih tersusun dan sistematik selepas beberapa penambahbaikan dilakukan.

Beliau juga telah dimaklumkan bahawa kem-kem PLKN di seluruh negara telah melakukan penambahbaikan untuk menepati piawai ditetapkan.

“Saya juga dimaklumkan kem-kem di seluruh negara telah melakukan penambahbaikan agar menepati standard yang telah ditetapkan. Kalau tak ikut standard kita tak akan hantar pelatih,” jelas beliau.

Untuk siri pertama tahun ini yang bermula hari ini hingga 11 Mac depan, seramai 34,313 pelatih akan dihantar ke 78 buah kem latihan di seluruh negara.

Siri kedua akan bermula 18 Mac hingga 9 Jun dan siri ketiga dari 13 Jun hingga 8

Penambahan itu juga dibuat berdasarkan sambutan menggalakkan daripada masyarakat khususnya ibu bapa yang mahu anak-anak mereka yang tidak terpilih untuk menyertai program PLKN

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

September.

Pergerakan pelatih PLKN pada pagi ini berjalan serentak di kesemua 104 pusat berkumpul di seluruh negara melibatkan 924 buah bas, 152 penerbangan dan 10 perjalanan menggunakan feri.

Di Bukit Jalil, pergerakan pelatih melibatkan 51 buah bas iaitu 24 daripadanya

untuk pergerakan ke kem di Pahang, Selangor dan Kelantan, manakala bakinya menghantar pelatih ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) bagi penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Jabatan Latihan Khid-

mat Negara (JLKN) dalam satu kenyataan menyebut sehingga 28 Disember tahun lalu, ia telah menerima 717 permohonan penangguhan dan 363 permohonan pengecualian.

Daripada jumlah itu JLKN telah meluluskan 541 permohonan penangguhan dan 256 permohonan pengecualian.